

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK
RHB Prime VantageLife Plus

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil RHB Prime VantageLife Plus. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Polisi insurans berkaitan pelaburan (ILP) ini menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan. Manfaat akan dibayar secara sekali gus jika Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dalam tempoh polisi.

Nilai dana Insurans Berkaitan Pelaburan ini bergantung pada harga unit dana yang di mana bergantung pada prestasi dana berkaitan pelaburan.

(i) Dana TokioMarine-Managed

Dana yang diuruskan secara aktif dan bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam saham dan sekuriti pendapatan tetap melalui Dana TokioMarine-Enterprise, Dana TokioMarine-Bond dan dalam mana-mana dana Tokio Marine yang lain atau dana pihak ketiga yang mungkin ditawarkan pada masa hadapan.

Sila rujuk Risalah Fakta Dana untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang dana-dana pelaburan.

Polisi ini memberi opsyen Premium Tambahan seperti berikut:

(i) Premium Tambahan Berkala

Satu opsyen yang membolehkan anda menentukan jumlah premium yang akan dibayar dengan kekerapan yang sama seperti premium asas untuk meningkatkan Nilai Dana Pelaburan anda.

(ii) Premium Tambahan Tunggal

Satu opsyen yang membolehkan anda membayar premium tambahan satu kali bagi meningkatkan Nilai Dana Pelaburan anda.

Polisi ini boleh diserahkan pada bila-bila masa selepas ia telah berkuat kuasa. Nilai serahan adalah tidak terjamin dan bergantung pada prestasi dana pelaburan.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang diberikan?

Jumlah Asas yang Diinsuranskan bagi pelan ini ialah: RM <Jumlah Asas yang Diinsuranskan>.

Pelan ini memberikan manfaat-manfaat seperti berikut :

(i) Manfaat Kematian/HUMK	Nilai Dana Pelaburan (IFV) dan a) Nilai Dana Perlindungan (PFV); ATAU b) Jumlah Asas yang Diinsuranskan tolak sebarang pengeluaran daripada Nilai Dana Perlindungan dalam tempoh 12 bulan yang lepas daripada tarikh kematian/HUMK Orang yang Diinsuranskan, yang mana lebih tinggi, ditolakkan dengan sebarang keterhutangan.
(ii) Manfaat Kematian/HUMK akibat Kemalangan	- Tambahan 100% Jumlah Asas yang Diinsuranskan.
(iii) Manfaat Kematangan	- Nilai Dana Perlindungan (PFV) dan Nilai Dana Pelaburan (IFV).

Catatan:

- Manfaat HUMK akan dihentikan pada ulang tahun polisi di mana Orang yang Diinsuranskan telah mencapai umur 70 tahun, tertakluk kepada maksimum RM 8 juta setiap hayat bagi semua polisi hayat individu.
- Amaun tambahan yang dibayar apabila berlakunya Kematian atau HUMK akibat Kemalangan akan dihentikan pada ulang tahun polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun, tertakluk kepada maksimum RM 10 juta setiap hayat bagi semua polisi hayat individu.

Tempoh perlindungan polisi ini ialah <Tempoh_polisi> tahun melainkan dibatalkan lebih awal.

Polisi ini juga melampirkan dengan rider-rider ini :

<Rider_1>

<Rider_2>

<Rider_3>



Dana yang dipilih:

Dana-Dana	Peruntukan Dana (%)
Dana TokioMarine-Managed	100

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan syarikat.

Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar untuk pelan asas ini ialah :	RM	<Ann_Prem>	setiap tahun
	RM	<Semi_Prem>	setiap setengah tahun
	RM	<Qtr_Prem>	setiap suku tahun
	RM	<Mon_Prem>	setiap bulan

Tempoh pembayaran premium: <Tempoh_premium> tahun

Kami akan memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit-unit dalam dana(-dana) pelaburan. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada wakil jualan dan perbelanjaan kami yang lain. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada kadar peruntukan yang ditunjukkan dalam ilustrasi jualan.

Sila merujuk kepada mukasurat 2 pada Ilustrasi Jualan untuk mendapatkan jumlah premium yang anda perlu bayar bagi polisi ini.

4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

- Caj-caj insurans akan ditolak daripada nilai-nilai unit anda setiap bulan. Caj-caj insurans akan meningkat apabila umur anda meningkat.
- Fi polisi bulanan sebanyak RM 8.50 perlu dibayar pada tarikh polisi berkuatkuasa dan setiap ulang bulan yang berikut ketika polisi masih berkuatkuasa bagi setiap mod pembayaran.
- Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diperuntukkan kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).
- Caj pengurusan dana (% daripada nilai dana setiap tahun)

Dana-Dana	Maksimum (Z% setahun daripada Nilai Aset Bersih Dana)	Semasa (Z% setahun daripada Nilai Aset Bersih Dana)
Dana TokioMarine-Managed	1.50%	1.20%

Catatan:

Maklumat lanjut tentang fi-fi dan caj-caj untuk ILP telah diberikan dalam ilustrasi jualan. Semua fi dan caj adalah tidak dijamin dan akan disemak semula dengan memberi notis bertulis awal sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari kepada anda. Sebarang semakan yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Polisi yang seterusnya.

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan (jika ada) dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi pemberitahuan secara bertulis kepada kami dan memulangkan dokumen polisi dalam tempoh masa 15 hari setelah penghantaran polisi kepada anda. Apabila pembatalan polisi dibuat, kami akan memulangkan jumlah premium yang tidak diperuntukkan, Jumlah Nilai Dana pada tarikh penilaian berikut dan sebarang caj insurans dan fi yang telah ditolak, tolak sebarang perbelanjaan perubahan yang telah kami tanggung (jika ada) semasa mengeluarkan polisi ini, dan polisi anda akan dibatalkan.
- Jumlah Nilai Dana - jumlah daripada Nilai Dana Perlindungan (PFV) dan Nilai Dana Pelaburan (IFV) di mana nilai-nilainya bergantung kepada prestasi dana pelaburan yang dipilih. Dengan memilih tahap perlindungan insurans yang lebih tinggi, jumlah unit yang akan ditolak untuk membayar caj-caj insurans akan bertambah, ini bermaksud unit yang dikekalkan untuk mengumpul nilai dana akan berkurang di bawah polisi anda.
- Polisi luput - ILP akan luput sekiranya Jaminan Berkuatkuasa henti berkuatkuasa dan Jumlah Nilai Dana Perlindungan tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan caj-caj lain.
- Notis Tuntutan - notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh kematian dan 6 bulan dari tarikh HUMK.
- Penggantian polisi - penggantian polisi anda dengan polisi yang baru mungkin tidak membawa manfaat kepada anda. Terma dan syarat baru bagi polisi baru mungkin diaplikasi jika keadaan kesihatan semasa adalah tidak memuaskan bagi syarikat insurans baru. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, kami mencadangkan anda untuk mendapatkan nasihat daripada kami/wakil jualan sebelum membuat keputusan muktamad.
- Caj Insurans - Caj Insurans adalah tidak dijamin. Kami berhak untuk menyemak semula caj insurans dengan memberi notis 90 hari awal kepada anda. Perubahan tersebut hanya akan berkuatkuasa pada ulang tahun polisi seterusnya.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk polisi kontrak untuk mendapatkan terma dan syarat yang lengkap.



6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Manfaat Kematian
 - Bunuh diri dalam satu (1) tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian.

- Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
 - percubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras);
 - kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
 - kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan;
 - sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial berjadual tetap);
 - pelayaran kapal selam;
 - perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
 - melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan;
 - sebarang bentuk hilang upaya yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian;
 - peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, mogok, aktiviti pengganas atau penyertaan dalam rusuhan dan kekecohan awam; atau keadaan yang sedia ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian.

- Manfaat Kematian/HUMK akibat daripada Kemalangan
 - sebarang bentuk masalah kesihatan atau penyakit yang disebabkan oleh punca bukan kemalangan;
 - percubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras);
 - kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
 - kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan;
 - sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial berjadual tetap);
 - pelayaran kapal selam;
 - perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
 - melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan;
 - pengembalian ketenteraman awam atau membuat apa-apa tangkapan sebagai pegawai undang-undang;
 - sebarang bentuk hilang upaya yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian;
 - peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, mogok, aktiviti pengganas atau penyertaan dalam rusuhan dan kekecohan awam;
 - keadaan yang sedia ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian;
 - hernia, jangkitan ptomaina atau bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku disebabkan dan melalui luka atau kecederaan kemalangan); atau racun, gas, wasap (diambil, diberikan, diserap atau disedut secara sukarela atau bukan sukarela, tidak disengajakan atau sebaliknya).

Catatan: Senarai adalah tidak lengkap. Sila merujuk kontrak polisi untuk senarai penuh atas pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli ILP premium berkala merupakan satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda tidak digalakkan untuk memegang polisi ini untuk tempoh yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi. Jumlah nilai yang akan kami bayar kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum kematangan polisi akan kurang daripada jumlah premium yang telah anda bayar melainkan dana(-dana) yang dipilih mempunyai prestasi yang baik.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang "Insurans Berkaitan Pelaburan", yang boleh didapati di semua cawangan kami atau dapatkan daripada wakil jualan anda atau melayari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2603 3999
Faks: 03-2162 8068
E-mel: customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan

Sila tanya kami/ wakil jualan kami untuk pelan yang seumpama.

MAKLUMAT PENTING:

INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET-ASET PELABURAN DAN BUKAN SEJENIS PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH SAHAM. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH DAPAT BERSESUAIAN DENGAN RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI 'TOKOKAN'. PULANGAN DARI DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373(6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 26/08/2019.